KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **17 Februari 2025**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Jualan Rahmah diteruskan dengan tambahan RM200 juta

**KOTA KINABALU** - Program Jualan Rahmah Madani diteruskan pada tahun ini dengan tambahan peruntukan sebanyak RM200 juta untuk diadakan setiap bulan di semua kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) seluruh negara.

Perkara itu dikongsikan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali ketika berucap pada Jualan Rahmah di Taman Keramat, Likas pada Sabtu.

"Untuk tahun ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah menambah peruntukan dari RM100 juta kepada RM200 juta untuk melaksanakan program ini di semua DUN.

"Barang-barang yang dijual itu ada subsidi daripada kerajaan dengan matlamat untuk membantu meringankan sedikit beban sara hidup rakyat, jadi kita akan buat di semua DUN tiap-tiap bulan," katanya.

Menurut Ahli Parlimen Papar itu lagi, untuk mengetahui jadual program tersebut, orang ramai boleh mendapatkan maklumat di laman sesawang KPDN.

"Jadual kita sudah paparkan lebih awal, jadi boleh semak dan rancang di mana jualan itu diadakan. Jadi jangan lepaskan peluang," katanya.

Beliau dalam pada itu memaklumkan, selain program yang dilaksanakan kerajaan Persekutuan, terdapat banyak lagi program turut disediakan oleh kerajaan negeri.

"Kerajaan negeri ada melaksanakan program *outreach* bersama badan bukan kerajaan (NGO) dan usahawan muda yang dikendalikan oleh Ketua Menteri, Datuk Seri Hajiji Noor.

"Menerusi program yang sudah memasuki tahun keempat ini, kerajaan negeri memberikan bantuan peruntukan secara serta merta sebanyak RM500 kepada usahawan muda belia kita.

"Kerajaan Persekutuan dan negeri sebenarnya ada pelbagai geran tetapi perlu dibuat melalui permohonan namun menerusi program *outreach* ini, wang RM500 diberikan segera untuk anak-anak muda kita yang mahu berniaga," katanya.

Beliau sebelum itu hadir bagi menyempurnakan Jualan Rahmah di kawasan taman tersebut yang turut dihadiri Ahli Parlimen Kota Kinabalu merangkap Timbalan Menteri Perladangan dan Komuniti, Datuk Chan Foong Hin dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Likas merangkap Pembantu Menteri Kewangan Sabah, Datuk Tan Lee Fatt.

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: ISNIN
TARIKH: 17/2/2025
M/SURAT: 3

# KPDN perluas Sara, guna Mykad di Sabah dan S'wak

SANDAKAN: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan bekerjasama dengan Kementerian Kewangan untuk mengenal pasti lebih banyak premis yang boleh dilibatkan dalam pelaksanaan Sumbangan Asas Rahmah (Sara).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata ianya bagi meningkatkan akses kepada penerima Sara untuk mendapatkan barangan keperluan harian dengan lebih mudah di kawasan berdekatan.

Setakat 13 Februari 2025, penerima bantuan Sara boleh mendapatkan barangan keperluan di 1700 premis pasar raya dan kedai runcit seluruh negara yang terlibat.

Penerima bantuan Sara 2025 akan diberikan bantuan sebanyak RM50 hingga RM200 sebulan mengikut kategori kelayakan masing-masing yang akan dikreditkan di dalam Mykad, untuk mendapatkan barangan keperluan asas di pasar raya atau kedai runcit yang terpilih.

"Bermula 2025, pelaksanaan Sara menggunakan Mykad juga diperluaskan ke Sabah dan Sarawak.

"Melalui peluasan ini, bantuan Sara akan dikreditkan setiap bulan ke dalam Mykad penerima berbanding kaedah pemberian tunai dua kali setahun sebelum ini.

"Setakat ini, sebanyak 340 premis di Sabah dan 320 premis di Sarawak terlibat dalam pelaksanaan Sara," katanya.

Katanya lagi fokus akan ditumpukan kepada kawasan luar bandar dan pedalaman dengan mengambil kira keadaan geografi dan tahap infrastruktur yang menyukarkan golongan sasar untuk membeli barangan keperluan di premis berdekatan.

Beliau ditemui media pada Program Sentuhan Kasih,Jualan Rahmah Madani dan Advokasi Kepenggunaan di dataran tempat letak kereta, Bandar Ramai-Ramai, pada Ahad.

Dalam pada itu, Armizan berkata kerajaan melalui KPDN akan terus memperluaskan pelaksanaan Program Jualan Rahmah Madani (PJRM) sebagai salah satu langkah intervensi dengan menawarkan harga antara 10 hingga 30 peratus lebih murah berbanding harga pasaran semasa bagi barangan keperluan harian.

Untuk 2025, KPDN menyasarkan pelaksanaan sekurang-kurangnya 2 siri PJRM sebulan bagi setiap kawasan DUN di seluruh negara.

"Kerajaan komited untuk melaksanakan pelbagai strategi dan pendekatan merentasi pelbagai kementerian dan agensi dalam menangani isu kos sara hidup rakyat termasuk pemberian bantuan tunai melalui Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sara.

"Selain usaha di peringkat Kerajaan Persekutuan, saya juga menzahirkan penghargaan terhadap Kerajaan-Kerajaan Negeri yang melaksanakan program khusus untuk membantu rakyat menangani kos sara hidup," katanya.

Sebagai contoh,pelaksanaan program Sentuhan Kasih Rakyat Sabah (Sukur) oleh Kerajaan Negeri Sabah dan program Sumbangan Keperluan Asas Sarawak (SKAS) oleh Kerajaan Negeri Sarawak, iaitu pemberian bantuan tunai kepada penerima yang layak bermula 2025, ulas Armizan lagi. – **WK**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# KPDN, MOF to expand SARA programme to rural areas

SANDAKAN: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) will be working with the Finance Ministry (MOF) to increase the number of premises involved in the Sumbangan Asas Rahmah (SARA) programme, particularly in rural and remote areas.

KPDN Minister Datuk Armizan Mohd Ali said as of yesterday, 1,700 supermarkets and grocery stores had been enlisted as SARA programme implementers, making it more convenient for people to make purchases at designated outlets.

"As the ministry responsible for retail, we are collaborating with MOF, especially in Sabah and Sarawak, where geographical and infrastructure challenges exist. Our goal is to expand the programme in rural and remote areas so that residents do not have to travel far for essential purchases.

"In 2025, SARA implementation will be expanded in Sabah and Sarawak, with aid being credited monthly to recipients' MyKad instead of the previous method of cash payments twice a year. This expansion will take place once 340 premises in Sabah and 320 in Sarawak are included in the programme," he said after attending the Rahmah MADANI sale programme here yesterday.

He added that the MADANI government has allocated RM13 billion this year for Sumbangan Tunai Rahmah (STR) and SARA, with RM8 billion for STR and RM5 billion for SARA.

Meanwhile, Armizan praised the Sabah and Sarawak governments for introducing targeted initiatives to ease the cost of living, which align with federal efforts to assist the people.

"We appreciate the Sabah and Sarawak governments for implementing direct cash assistance programmes to help their people cope with rising living costs

"In Sabah, the programme is called Sentuhan Kasih Rakyat Sabah (SYUKUR), while in Sarawak, it is known as Sumbangan Keperluan Asas Sarawak (SKAS)," he said.

Armizan added that the government is committed to implementing various strategies across ministries and agencies to address cost-of-living challenges nationwide. – Bernama



*ARMIZAN ... praised the Sabah and Sarawak governments for introducing targeted initiatives.*

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: ISNIN
TARIKH: 17/2/2025
M/SURAT: 5

# KPDN, MoF to expand SARA programme to rural areas

SANDAKAN: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) will be working with the Finance Ministry (MoF) to increase the number of premises involved in the Sumbangan Asas Rahmah (SARA) programme, particularly in the rural and remote areas.

Minister Datuk Armizan Mohd Ali said as of yesterday, 1,700 supermarkets and grocery stores had been enlisted as SARA programme implementers, making it more convenient for people to make purchases at designated outlets.

"As the ministry responsible for retail, we are collaborating with the MoF, especially in Sabah and Sarawak, where geographical and infrastructure challenges exist.

"Our goal is to expand the programme in rural and remote areas so that residents do not have to travel far for essential purchases.

"In 2025, SARA implementation will be expanded in Sabah and Sarawak, with aid being credited monthly to recipients' MyKad instead of the previous method of cash payments twice a year.

"This expansion will take place once 340 premises in Sabah and 320 in Sarawak are included in the programme," he said after attending the Rahmah Madani Sale programme here yesterday.

Armizan added that the Madani Government had allocated RM13 billion this year for Sumbangan Tunai Rahmah (STR) and SARA, with RM8 billion for STR and RM5 billion for SARA.

Meanwhile, the minister praised the Sabah and Sarawak governments for introducing targeted initiatives to ease the cost of living, which aligned with federal efforts to assist the people.

"We appreciate the Sabah and Sarawak governments for implementing direct cash assistance programmes to help their people cope with rising living costs.

"In Sabah, the programme is called 'Sentuhan Kasih Rakyat Sabah' (SYUKUR), while in Sarawak, it is known as 'Sumbangan Keperluan Asas Sarawak' (SKAS)," he said.

Armizan added that the government was committed to implementing various strategies across ministries and agencies to address cost-of-living challenges nationwide. — Bernama




Local residents line up to enter the Rahmah Madani Sale at the parking area of Bandar Ramai Ramai in Sandakan. — Bernama photo

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: ISNIN
TARIKH: 17/2/2025
M/SURAT: 1

# SARA programme to be expanded to rural areas

SANDAKAN: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) will be working with the Finance Ministry (MOF) to increase the number of premises involved in the Sumbangan Asas Rahmah (SARA) programme, particularly in rural and remote areas.

KPDN Minister Datuk Armizan Mohd Ali said as of yesterday, 1,700 supermarkets and grocery stores had been enlisted as SARA programme implementers, making it more convenient for people to make purchases at designated outlets.

"As the ministry responsible for retail, we are collaborating with MOF, especially in Sabah and Sarawak, where geographical and infrastructure challenges exist. Our goal is to expand the programme in rural and remote areas so that residents do not have to travel far for essential purchases.

"In 2025, SARA implementation will be expanded in Sabah and Sarawak, with aid being credited monthly to recipients' MyKad instead of the previous method of cash payments twice a year. This expansion will take place once 340 premises in Sabah and 320 in Sarawak are included in the programme," he said after attending the Rahmah MADANI sale programme here on Sunday.

He added that the MADANI government has allocated RM13 billion this year for Sumbangan Tunai Rahmah (STR) and SARA, with RM8 billion for STR and RM5 billion for SARA.

Meanwhile, Armizan praised the Sabah and Sarawak governments for introducing targeted initiatives to ease the cost of living, which align with federal efforts to assist the people.

"We appreciate the Sabah and Sarawak governments for implementing direct cash assistance programmes to help their people cope with rising living costs.

"In Sabah, the programme is called Sentuhan Kasih Rakyat Sabah (SYUKUR), while in Sarawak, it is known as Sumbangan Keperluan Asas Sarawak (SKAS)," he said.

Armizan added that the government is committed to implementing various strategies across ministries and agencies to address cost-of-living challenges nationwide. – Bernama



Armizan at the Rahmah MADANI sale programme in Sandakan on Sunday. — Bernama photo

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: ISNIN
TARIKH: 17/2/2025
M/SURAT: 5

# Tiada DNA babi dalam sampel sandwic - Menteri

## Jabatan Kimia sahkan tiada unsur itu dalam semua sampel setiap perisa sandwic berkenaan

**Oleh ASYIKIN ASMIN**
SANDAKAN

Jabatan Kimia telah mengesahkan bahawa tiada unsur asid deoksiribonukleik (DNA) khinzir dalam semua sampel setiap perisa sandwic yang didapati menyalah guna logo halal sehingga menimbulkan kontroversi pada Januari lalu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali berkata, perkara itu disahkan oleh Jabatan Kimia sebagai pihak yang berautoriti berkaitan isu berkenaan.

"Jabatan Kimia telahpun mengesahkan bahawa tidak ada DNA porcine babi dalam semua sampel, semua jenis perisa tersebut," katanya


Pengarah sandwic ham didakwa

Laporan *Sinar Harian* pada 25 Januari lalu.




Armizan ketika ditemui pemberita di Sandakan pada Ahad.

selepas menyempurnakan Program Sentuhan Kasih, Jualan Rahmah Madani dan Advokasi Kepenggunaan di sini pada Ahad.

Sehubungan itu, beliau berharap rakyat memahami bahawa siasatan telah dilakukan dengan telus dan ia telah dirujuk kepada pihak yang berautoriti.

"Maka kita segerakan pendakwaan atas kesalahan pelanggaran kepada dua perundangan tersebut dan saya juga berharap bahawa semua pihak untuk mengambil tindakan yang serius.

"Maksudnya di sini perlu untuk memastikan penggunaan logo halal yang diperakui oleh agensi yang berwajib iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

"Ini bukan isu yang kita boleh ambil ringan dan kita selaku penguat kuasa, walaupun kita bukanlah pengeluar logo halal itu tetapi kita membantu akan mengambil tindakan tegas terhadap sebarang kesalahan dan kita alu-alukan juga laporan serta aduan daripada semua pihak," ujarnya.

Beliau sebelum itu menolak dakwaan bahawa tindakan lambat diambil oleh pihak KPDN sebaliknya dalam tempoh singkat telah berjaya melakukan pendakwaan terhadap syarikat berkaitan.

"Sebenarnya tidak lambat, perkara tersebut viral pada 10 Januari. Pada 13 Januari kita telah kumpul bukti, sandwic pelbagai perisa itu kita telah hantar sampelnya kepada Jabatan Kimia dan 14 Januari kita telah merujuk kepada Jakim dari aspek logo halal.

"Pada 20 Januari kita dapat laporan oleh Jabatan Kimia dan kita serahkan kertas pendakwaan kepada Jabatan Peguam Negara (AGC) dan 23 Januari kita telahpun mendapat izin dakwa dan 24 Januari pendakwaan telahpun dibuat.

"Jadi dalam tempoh singkat itu kita telah berjaya selesaikan siasatan hinggalah kepada pendakwaan dilakukan pada 24 Januari," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# 火腿三明治确认无猪肉
## 内贸部长：不控KK


阿米占

（山打根16日讯）国内贸易及生活成本部长拿督阿米占指出，近期引发争议的KK便利超市“火腿三明治”清真标志问题，经化验局检测，确认三明治样本中未发现猪肉脱氧核糖核酸（DNA），因此没有采取进一步提控行动。

他说，经过彻底调查和透明的执法程序，所有口味的三文治样本均未含猪肉成分，因此没有提起任何指控，公众应了解整个调查过程完全透明。

阿米占在出席“爱的关怀”、“关爱促销”及消费推广活动后表示，相关调查已依照2011年商品说明指令（清真认证与标志）及2019年商标法令展开，且迅速完成。

他提醒商家严格遵守大马回教发展局的清真认证规定，并强调大马回教发展局负责清真标志的执法工作，政府将严厉打击任何违规行为，并鼓励社会各界举报不法行为。

星洲日報
SIN CHEW DAILY

HARI: ISNIN
TARIKH: 17/2/2025
M/SURAT: 3

# 火腿三明治無豬肉成分

## 內貿部：化驗結果證實




阿米占：清真认证存疑的火腿奶酪三明治中未检测出猪肉成分。（内贸部图）

（山打根16日讯）国内贸易及生活费部证实在1月20日获得的化验检测结果显示，此前引发轩然大波的火腿奶酪三明治中并未发现猪肉成分。

内贸部长拿督阿米占表示，该部针对这起网络热议事件的迅速展开调查，并于1月24日进入法庭审理程序。

"化验部门已经确认，在所有涉及口味的三明治样本中均未检测出猪肉成分。我希望民众能够理解，今次的调查和提控是在与相关部门商讨后，以透明的方式进行。"

他今日在山打根举行的"关爱计划、昌明爱心促销及消费者权益倡导"活动新闻发布会上，这么说。

### 强调清真认证重要

阿米占同时强调了清真认证的重要性，并敦促企业确保其产品带有由大马伊斯兰发展局（JAKIM）发出的清真标志。

在此次火腿奶酪三明治事件中，涉及公司及其董事违反2011年商品说明法令（清真认证和标记）第8（b）条及第4（1）（a）条，各别面对6项控状，即在未获得大马清真认证机构认证的情况下，提供标榜为清真的三明治，意图暗示该食品可供穆斯林食用。

同时，该公司及其董事也被控违反2019年商标法令第102（1）（c）条文，各面对一项指控。指控内容为该公司在366份三明治包装上未经许可下使用伊斯兰发展局注册商标，即大马清真标志。

1月初，内贸部针对马来亚大学2家24小时零售商店售卖的火腿奶酪三明治清真标志存疑事件，联合伊斯兰发展局展开调查，随后证实相关面包厂的清真认证早已过期，而贴在三明治上的清真标志属于另一家公司。

### 将增SARA乡区商店

另一方面，国内贸易及生活费部将与财政部合作，确定更多可参与爱心基本援助金（Sumbangan Asas Rahmah，SARA）计划的商店，特别是在偏远和乡村地区，以方便当地居民购买生活必需品。

内贸部长拿督阿米占表示，截至昨日，已有1700家超市和杂货店参与SARA计划，为民众提供更便捷的购物体验。

"作为掌管零售业的部门，我们与财政部合作，尤其是在沙巴和砂拉越，因为我们清楚了解当地的地理和基础设施状况。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

HARI: ISNIN
TARIKH: 17/2/2025
M/SURAT: 8



·三文治清真風波·

# 三文治樣本化驗結果 火腿不含豬肉DNA

（山打根16日讯）国内贸易及生活成本部长拿督阿米占指出，该部执法人员早前针对KK便利超市"火腿芝士三文治"清真风波，起获多个口味的三文治样本经过化验证实，不含有猪肉脱氧核糖核酸（DNA）。

他说，由於化验局已经证实，所有口味的样本都不含猪肉，因此当局没有做出相关的提控行动。

"所以我希望人民能理解，调查和提控行动都是透明的。我们已经加快在2011年商品说明指令（清真认证与标志），及2019年商标法令下采取起诉行动。"

## 促嚴正看待

阿米占今日出席"爱的关怀"、"关爱促销"及消费推广活动后，如是指出。

他提醒各造严正看待此事，确保使用大马伊斯兰发展局（JAKIM）认证的清真标志。

他说明，该局不是发出清真标志的当局，而是执法当局，并强调会采取严厉行动对付相关违规行为，欢迎各造做出投报。

针对有指内贸部在此风波上行动迟缓一事，阿米占否认此事，强调事情在1月10日发酵，该部执法人员接获公众投报，就到有关店面展开行动及搜证。

"1月13日，我们将各种口味的三文治送到化验局。1月14日，我们就针对清真标志一事，咨询JAKIM。

"我们在1月20日接获化验局的报告，然后把文件交给总检察署，23日就获得总检察署批准提控，24日就提控了。"

供应马大2家KK便利超市"火腿芝士三文治"的Shake & Bake Cafe私人有限公司董事及公司，因涉嫌在366个三文治包装上滥用清真标志，於1月24日各被控7项控状。






■阿米占（中）接受媒体访问。

## 增加偏遠地區商店 方便關愛受惠者購物

内贸部将与财政部合作，增加参与关爱基本援助金计划（SARA）的商店数量，特别是在乡区和偏远地区。

阿米占说，截至周六（15日），已有1700家超市和杂货店参与该计划，方便人们在指定的商店购物。

"作为负责零售业的部门，我们正在与财政部合作，特别是面对地理和基础设施挑战的沙巴和砂拉越。我们的目标是在乡区和偏远地区扩展有关计划，以便居民不必长途跋涉购买必需品。

"2025年，该计划的实施范围将扩大到沙砂，援助金会存入受惠者的大马卡，而非之前每年两次以现金方式发放援助金。

"一旦沙巴的340所和砂拉越的320所商店加入到该计划，有关扩展将得以实施。"

他补充，政府今年已为关爱援助金（STR）和关爱基本援助金，分别发放80亿和50亿令吉拨款。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

光明日報
Guang Ming DAILY

HARI: ISNIN
TARIKH: 17/2/2025
M/SURAT: 6



■阿米占：清真认证存疑的火腿奶酪三文治，未检测出猪肉成分。（图：内贸部）

## 火腿三文治樣本化驗出爐

# 阿米占：沒豬肉成分

（山打根16日讯）谈及此前引发轩然大波的火腿奶酪三文治清真存疑事件，国内贸易及生活成本部长拿督阿米占表示，该部当时马上针对这起网络热议事件迅速展开调查，并于1月24日进入法庭审理程序，而化验部门已经确认，在所有涉事口味的三文治样本中，均未检测出猪肉成分。

"我希望民众能够理解，今次的调查和起诉是在与相关部门协商后，以透明的方式进行的。"

他今日在山打根举行的"关爱计划、昌明爱心促销及消费者权益倡导"活动后，在记者会上这么表示。

阿米占也强调清真认证的重要性，并敦促企业确保其产品带有由大马伊斯兰发展局（JAKIM）发出的清真标志。

在此次火腿奶酪三文治事件中，涉事公司及董事违反2011年商品说明法令（清真认证和标记）第8（b）条及第4（1）（a）条，各别面对6项控状，即在未获得大马清真认证机构




认证的情况下，提供标榜为清真的三文治，意图暗示食品可供穆斯林食用。

同时，公司及董事也涉嫌违反2019年商标法令第102（1）（c）条文，各面对一项指控。指控内容为该公司在366份三文治包装上未经许可下，使用伊斯兰发展局注册商标，即大马清真标志。

内贸部是1月初针对马来亚大学两家24小时零售商店售卖的火腿奶酪三文治清真标志存疑事件，联合伊斯兰发展局展开调查，随后证实面包厂的清真认证早已过期，而贴在三明治上的清真标志属于另一家公司。(BPK)

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia

HARI: ISNIN

TARIKH: 17/2/2025

M/SURAT: 37

# KPDN periksa bazar Ramadan elak pencatutan

**PUTATAN:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan melakukan pemantauan harga jualan makanan dan minuman di bazar-bazar Ramadan di seluruh negara bagi mengelak berlaku pencatutan.

Timbalan Menterinya, Senator Dr. Fuziah Salleh berkata, selama ini pemeriksaan harga hanya dilakukan di pasar raya, pasar mini serta pasar basah namun pada tahun ini pemeriksaan akan diperluas ke bazar-bazar Ramadan.

"Menjelang Ramadan kali ini, kami akan terus melakukan pemantauan dan penguat kuasa KPDN akan turun ke semua tempat termasuk bazar Ramadan untuk memastikan tiada elemen pencatutan yang berlaku.

"Kami akan tambah bazar Ramadan sebagai satu daripada premis yang akan diperiksa," katanya semasa mengadakan tinjauan barang kelengkapan sekolah di sebuah pasar raya di sini semalam.

Mengenai bekalan minyak masak peket bersubsidi, Fuziah berkata, beliau akan memastikan tidak berlaku kekurangan minyak masak peket bersubsidi di negeri ini.

Beliau berkata, ketika ini Sabah menerima sebanyak 5,733 tan metrik minyak peket bersubsidi yang diagihkan ke seluruh negeri ini.

"Setakat yang dimaklumkan, ada kawasan yang tidak mencukupi. Jadi kami akan lihat bagaimana kita punya agihan minyak bersubsidi di setiap zon.

"Mungkin ada masa-masa tertentu, pengeluaran minyak peket terhenti sebab mereka kehabisan bekalan disebabkan bekalan ketika itu kurang. Namun, secara umumnya, bekalan minyak masak paket stabil di kawasan ini.

"Malah, melalui Program Jualan Rahmah Madani (PJRM) memang ada minyak masak peket, ini antara langkah memastikan rakyat dapat menikmati barangan bersubsidi," katanya.

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: ISNIN
TARIKH: 17/2/2025
M/SURAT: 3

# Fuziah tegur pasar raya tak laksana PJRM *Back To School*



FUZIAH

**PUTATAN** - Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Dr Fuziah Salleh menegur segelintir pasar raya yang tidak mengambil peluang mengadakan Program Jualan Rahmah Madani (PJRM) *Back To School* bagi membantu ibu bapa membeli-belah barangan sekolah di saat akhir.

Beliau yang membuat tinjauan di sebuah pasar raya di daerah ini berkata, sepatutnya pasar raya menyusun jadual PJRM tersebut untuk diadakan pada hari terakhir sebelum sesi persekolahan bermula pada Isnin.

"Ya (teguran). Pada saya pasar raya boleh menyusun lebih baik Jualan Rahmah ini sebab kita (KPDN) telah pun mengeluarkan peruntukan dan pasar raya boleh pilih waktu yang paling sesuai untuk mengadakannya.

"Jadi saya menyeru dan menyarankan pada masa depan memandangkan kita nak masuk bulan Ramadan dan kita nak hari raya, saya harap pasar raya membantu kerajaan dan kementerian untuk sama-sama membantu menangani kos sara hidup rakyat," katanya d sini pada Ahad.

Menurut Fuziah, mungkin juga pasar raya tersebut terlepas pandang, namun menerusi jualan PJRM itu yang boleh membantu rakyat meringankan beban kos sara hidup ketika ini.

Beliau dalam pada itu mengakui agak terkejut dengan kos yang terpaksa ditanggung ibu bapa untuk membeli keperluan peralatan sekolah termasuk pakaian yang mencecah lebih RM200 untuk seorang anak.

"Jadi saya tengok kalau seorang ibu bapa nak membeli baju sepasang, tudung, beg, kasut dan stoking wajib RM200 lebih untuk set kelengkapan, belum masuk alat tulis.

"Di Semenanjung pun mahal juga tetapi mungkin Sabah lebih lagi (mahal). Sebab itu, KPDN mengadakan 28 Jualan Rahmah *Back To School* di Sabah.

"Jadi saya rasa ini adalah amanah sebab Jualan Rahmah punya bajet itu memang ada dan harus digunakan sebaiknya," kata beliau.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

ASIA TIMES EST 1955

HARI: ISNIN
TARIKH: 17/2/2025
M/SURAT: 12

# 内贸部鼓励超市办
# 爱心销售计划



[illegible]视察了一家受补贴的食用油包装厂。

（本报亚庇16日讯）国内贸易及生活成本部鼓励超市举办"爱心销售计划"，充分利用政府拨款，帮助人民缓解生活成本压力。

该部副部长傅芝雅沙烈表示，政府已提供专项拨款，鼓励超市举办更多爱心销售计划，以提供更优惠的商品价格，让人民能够以更低的成本采购日常用品。

"超市可以自行决定最合适的时间举办爱心销售计划。随著斋戒月和开斋节即将到来，我希望超市能与政府和部门携手合作，缓解人民的生活成本压力。"

她今天在此间一间趣市向媒体发表上述谈话。

她透露，国内贸易及生活成本部目前正在全国90个市场进行价格监控，其中包括沙巴的19家超市，以防止商家趁机操控物价。

她强调，斋月市集的摊位也将受到严格检查，以确保没有趁节日牟取暴利的情况。

"我们检查了超市的价格，整体来看确实比较昂贵。尽管暂未发现明显的哄抬价格现象，但我们仍然建议民众前往爱心销售计划购物，因为那里有政府补贴的折扣。"

此外，傅芝雅也表示，国内贸易及生活成本部确保未来爱心销售计划期间，补贴燃料和补贴食用油的供应充足，以满足市场需求。

她今日上午也特地视察了亚庇一家受补贴的食用油包装厂，以确保补贴食用油的生产和分销顺畅。

"目前，沙巴拥有5,733吨受补贴食用油，分布在山打根、亚庇和斗湖地区。虽然供应量仍需加强，但我们会确保所有地区的人民都能享受到政府的补贴。"

她补充，尽管过去几个月，市场一度面临补贴食用油短缺或减产的情况，但目前沙巴的补贴石油供应已恢复稳定。（080）

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Wajar hukum 'pencuri' minyak subsidi kita

**ISU** kenderaan bernombor pendaftaran asing mengisi petrol bersubsidi RON95 terus berlaku di negara ini terutama di negeri bersempadan negara jiran.

Terbaharu, orang awam memuat naik video memaparkan seorang wanita memandu kereta dengan plat pendaftaran Singapura mengisi RON95 di sebuah stesen minyak di Johor Bahru, menggunakan kad kredit untuk membuat pembayaran.

Umum mengetahui, harga runcit petrol RON95 di Malaysia pada kadar RM2.05 seliter adalah sangat rendah berbanding di negara-negara ASEAN.

Harga runcit petrol di Singapura mencecah RM9.16 seliter, sementara Indonesia (RM3.74 seliter) dan Thailand (RM5.63 seliter). Tidak hairanlah rakyat negara jiran suka mengisi minyak di negara ini.

Video tular itu bukan sahaja mendapat perhatian Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor, malah Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz turut mengarahkan tindakan penguatkuasaan ditingkatkan.

Larangan mengisi petrol oleh kenderaan asing mula dikuatkuasakan sejak 17 Jun 2022 mengikut Peraturan 12A Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 di bawah Peraturan 21(1). Notis larangan turut dilekatkan di setiap stesen minyak.

Kesalahan boleh dihukum di bawah Seksyen 22(1) Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122). Jika didapati bersalah, pengusaha stesen minyak berdepan hukuman denda tidak melebihi RM1 juta atau penjara sehingga tiga tahun, atau kedua-duanya sekali.

Apabila Menteri Besar Johor mengarahkan agar tindakan penguatkuasaan lebih tegas, agaknya apa lagi langkah tambah baik untuk menangani isu ini?

Persatuan Peniaga Petrol Malaysia (PDAM) sebelum ini membangkitkan persoalan, bagaimana warga asing yang mengisi minyak ke kenderaan mereka? Menurut PDAM, hukuman dikenakan berat sebelah kerana pembeli warga asing akan terlepas begitu sahaja.

Malah, sukar bagi pengusaha mengawasi kereta asing yang menggunakan pam petrol yang terletak di hujung stesen dan menggunakan kad kredit untuk mengisi dengan cepat.

Sehubungan itu, mungkin sudah sampai masanya kerajaan perlu mempertimbangkan hukuman ke atas pembeli pula. Selain denda, kenderaan asing terlibat wajar disenaraihitamkan daripada memasuki negara ini lagi.

Selagi pembeli tidak dihukum, selagi itulah mereka akan sentiasa mencari jalan 'mencuri' minyak subsidi kita.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: ISNIN

TARIKH: 17/2/2025

M/SURAT: 21



LGM merampas 13,000 karton sarung tangan getah ditolak dan sarung tangan getah sekerap dianggarkan bernilai RM346,000 dalam serbuan di sebuah premis di Kapar, Selangor, Khamis lalu.

# LGM rampas 13,000 karton sarung getah ditolak bernilai RM346,000

**Kuala Lumpur:** Lembaga Getah Malaysia (LGM) merampas 13,000 karton sarung tangan getah ditolak (*rejected*) dan sarung tangan getah sekerap dianggarkan RM346,000 dalam serbuan di sebuah premis di Kapar, Selangor pada Khamis lalu.

Operasi bersepadu itu membabitkan Unit Inspektorat dan Penguatkuasaan (UIP) LGM bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Selangor.

LGM dalam satu kenyataan, semalam berkata, premis itu dipercayai menjalankan aktiviti membeli, menyimpan dan menjual sarung tangan getah *rejected* dan *scrap gloves* tanpa permit yang sah daripada LGM.

Menurutnya, premis ini turut menyalahgunakan tanda bungkusan dengan meletakkan tanda *Made in Malaysia* pada kotak bagi sarung tangan getah yang tidak dihasilkan di Malaysia atau sumber import.

"Aktiviti ini satu kesalahan melanggar Peraturan 22(1)(b) dan 58 Peraturan-Peraturan Lembaga Getah Malaysia (Pelesenan dan Permit) 2014.

"Jika didapati bersalah atas kedua-dua kesalahan itu, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM80,000 atau penjara tidak melebihi dua hingga tiga tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Menurutnya, LGM berjaya merampas 196 palet berisi sarung tangan getah sekerap dengan anggaran 13,000 karton berserta beberapa sitaan lain, dianggarkan bernilai RM346,000.

Katanya, siasatan awal mendapati produk yang dirampas itu dipercayai diperoleh dari luar negara dan dipasarkan semula ke pasaran tempatan tanpa permit sah LGM.

"LGM sedang giat menjalankan operasi bersepadu bagi mengawal selia keseluruhan rantaian industri getah khususnya untuk membanteras aktiviti haram premis sarung tangan getah serta penyalahgunaan tanda bungkusan 'Buatan Malaysia' demi menjaga imej industri getah negara," katanya.

Orang ramai boleh membuat aduan berkaitan pelesenan dan penguatkuasaan dalam industri getah melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) LGM di https://lgm.spab.gov.my/eApps/system/index.do.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE
## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 17 FEBRUARI 2025 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 17-Feb | Premis warga asing digem-pur di bandar Puncak Alam | https://www.sinarharian.com.my/article/712625/edisi/selangor-kl/premis-warga-asing-digempur-di-bandar- | SINAR HARIAN |
| 17-Feb | MPKS gempur lagi premis kendalian warga asing | https://www.buletintv3.my/nasional/mpks-gempur-lagi-premis-kendalian-warga-asing/#google_vignette | TV3 |
| 17-Feb | KPDN, JPJ serbu 4 kilang tayar celup pneumatik dis-yaki beroperasi secara ha-ram | https://api.bharian.com.my/berita/kes/2025/02/1361104/kpdn-jpj-serbu-4-kilang-tayar-celup-pneumatik-disyaki- | BERITA HARIAN |
| 17-Feb | Authorities raid 4 factories illegally producing retreaded tyres | https://www.nst.com.my/news/nation/2025/02/1174834/authorities-raid-4-factories-illegally-producing- | NEW STRAITS TIMES |
| 17-Feb | KPDN, JPJ serbu 4 kilang tayar celup pneumatik dis-yaki beroperasi secara ha-ram di Lembah Klang | https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-jpj-serbu-4-kilang-tayar-celup-pneumatik-disyaki-beroperasi-secara-haram-di-lembah-klang/ | TV3 |
| 17-Feb | Four factories raided for us-ing unauthorised safety la-bels on retreaded tyres | https://thesun.my/malaysia-news/four-factories-raided-for-using-unauthorised-safety-labels-on-retreaded-tyres-OD13673278#google_vignette | THE SUN |
| 17-Feb | Kerajaan perluas program SARA ke luar bandar, kawa-san terpencil | https://api.bharian.com.my/berita/nasional/2025/02/1362023/kerajaan-perluas-program-sara-ke-luar-bandar- | BERITA HARIAN |
| 17-Feb | KPDN, MOF perluas premis SARA untuk kemudahan rakyat | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-mof-perluas-premis-sara-untuk-kemudahan-rakyat | RTM |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 17-Feb | KPDN, MOF kerjasama ke-nal pasti lebih banyak pelaksana SARA demi rakyat | https://www.utusanborneo.com.my/2025/02/16/kpdn-mof-kerjasama-kenal-pasti-lebih-banyak-pelaksana-sara- | UTUSAN BORNEO |
| 17-Feb | KPDN, MOF kerjasama ke-nal pasti pebih banyak premis pelaksana SARA demi rakyat | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-mof-kerjasama-kenal-pasti-pebih-banyak-premis-pelaksana-sara-demi-rakyat | ASTRO AWANI |
| 17-Feb | KPDN, MOF to expand SARA programme to rural areas | https://thesun.my/malaysia-news/kpdn-mof-to-expand-sara-programme-to-rural-areas-DN13691417 | THE SUN |
| 17-Feb | Tiada DNA babi dalam sam-pel 'sandwich ham & cheese | https://www.sinarharian.com.my/article/713026/berita/semasa/tiada-dna-babi-dalam-sampel-sandwich- | SINAR HARIAN |
| 17-Feb | Tiada DNA babi dalam sam-pel 'sandwich ham & cheese' - Armizan | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tiada-dna-babi-dalam-sampel-sandwich-ham-cheese-armizan- | ASTRO AWANI |
| 17-Feb | Jabatan Kimia sahkan tiada DNA khinzir dalam sampel ‘sandwich ham’ | https://www.buletintv3.my/nasional/jabatan-kimia-sahkan-tiada-dna-khinzir-dalam-sampel-sandwich-ham/ | TV3 |
| 17-Feb | KPDN ingatkan pasaraya guna peruntukan Jualan Rahmah secara optimum | https://sabahmedia.com/2025/02/16/kpdn-ingatkan-pasaraya-guna-peruntukan-jualan-rahmah- | SABAH MEDIA |
| 17-Feb | KPDN pantau harga ba-rangan sekolah | https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-pantau-harga-barangan-sekolah/ | TV3 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 17-Feb | Ops Catut Back to School 2025 kawal kenaikan harga pakaian sekolah - Fuziah | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ops-catut-back-school-2025-kawal-kenaikan-harga-pakaian-sekolah-fuziah-508873 | ASTRO AWANI |
| 17-Feb | Fuziah tegur pasar raya tak laksana PJRM bantu ibu bapa beli barang sekolah | https://www.sinarharian.com.my/article/712995/berita/nasional/fuziah-tegur-pasar-raya-tak-laksana-pjrm-bantu-ibu-bapa-beli-barang-sekolah | SINAR HARIAN |
| 17-Feb | KPDN pantau Bazar Ramadan, pastikan peniaga tidak ambil kesempatan | https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-pantau-bazar-ramadan-pastikan-peniaga-tidak-ambil-kesempatan/#google_vignette | TV3 |
| 17-Feb | KPDN akan adakan pemantauan di bazar Ramadan seluruh negara | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-akan-adakan-pemantauan-di-bazar-ramadan-seluruh-negara | RTM |
| 17-Feb | KPDN pantau Bazar Ramadan, pastikan peniaga tak ambil kesempatan jual terlalu mahal | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/02/1362036/kpdn-pantau-bazar-ramadan-pastikan-peniaga-tak-ambil-kesempatan-jual | BERITA HARIAN |
| 17-Feb | KPDN pantau Bazar Ramadan, pastikan peniaga tak ambil kesempatan jual terlalu mahal | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/02/1362036/kpdn-pantau-bazar-ramadan-pastikan-peniaga-tak-ambil-kesempatan-jual | BERITA HARIAN |
| 17-Feb | Elak berlaku pencatutan, KPDN periksa bazar Ramadan | https://www.utusan.com.my/berita/2025/02/elak-berlaku-pencatutan-kpdn-periksa-bazar-ramadan/#google_vignette | UTUSAN MALAYSIA |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 17-Feb | KPDN pantau bazar Ramadan elak pencatutan | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/02/1187859/kpdn-pantau-bazar-ramadan-elak-pencatutan | HARIAN METRO |
| 17-Feb | KPDN tak kompromi penyelewengan, salah guna minyak masak bersubsidi | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/02/1362119/kpdn-tak-kompromi-penyelewengan-salah-guna-minyak-masak-bersubsidi | BERITA HARIAN |
| 17-Feb | KPDN pastikan bekalan minyak masak peket cukup di Sabah | https://www.sinarharian.com.my/article/713005/edisi/sabah-sarawak/kpdn-pastikan-bekalan-minyak-masak-peket-cukup-di-sabah | SINAR HARIAN |
| 17-Feb | Kilang jual sarung tangan 'reject', salah guna tanda buatan Malaysia diserbu | https://www.sinarharian.com.my/article/713000/berita/semasa/kilang-jual-sarung-tangan-getah-reject-salah-guna-tanda-buatan-malaysia-diserbu | SINAR HARIAN |
| 17-Feb | LGM serbu premis beli, jual sarung tangan ‘reject’ tanpa permit | https://www.buletintv3.my/nasional/lgm-serbu-premis-beli-jual-sarung-tangan-reject-tanpa-permit/ | TV3 |
| 17-Feb | LGM serbu kilang sarung tangan haram | https://malaysiagazette.com/2025/02/16/lgm-serbu-kilang-sarung-tangan-haram/ | MALAYSIA GAZETTE |